

SEJARAH - TINGKATAN 3

Kemerdekaan Negara 31 Ogos 1957



Pengenalan

1. Parti gabungan kaum, iaitu Parti Perikatan telah memenangi pilihan raya pada tahun 1955.
2. Setelah membentuk kerajaan, Tunku Abdul Rahman telah mengetuai satu rombongan ke London untuk merundingkan kemerdekaan.
3. Seterusnya satu suruhanjaya bebas telah dibentuk bagi menggubal perlembagaan merdeka.
4. Pada 31 Ogos 1957, kemerdekaan telah diisytiharkan oleh Tunku Abdul Rahman yang menamatkan penjajahan asing terhadap Persekutuan Tanah Melayu iaitu yang berlaku selama 446 tahun.
5. Kemerdekaan ini adalah hasil perjuangan generasi lalu yang tidak mengenal erti penat dan lelah.
6. Oleh itu, kemerdekaan ini mesti kita pertahankan dengan penuh rasa tanggungjawab supaya kemerdekaan yang telah dicapai tidak musnah begitu sahaja.

Rombongan Merdeka

1. Pada awal tahun 1956 lagi, Parti Perikatan telah berusaha untuk mendapatkan kemerdekaan.
2. Melalui kemerdekaan sahaja rakyat negara ini bebas memerintah mengikut cara dan hala tuju yang ditentukan oleh mereka.
3. Sebagai ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra telah berunding

- dengan Raja-raja Melayu dan British untuk mendapatkan kemerdekaan.
4. Melalui perundingan tersebut, mereka akhirnya bersetuju untuk mengadakan mesyuarat rasmi dengan kerajaan British.
 5. Seterusnya satu rombongan yang dinamakan **Rombongan Merdeka** telah dibentuk.
 6. Rombongan ini diwakili oleh empat orang **wakil raja-raja Melayu** dan **empat orang wakil parti Perikatan**.



7. Ketua rombongan Merdeka ke London ialah Tunku Abdul Rahman Putra.
8. Orang ramai telah memberi sokongan padu dan menaruh harapan yang tinggi kepada Tunku Abdul Rahman dan rombongannya.

Perjanjian London

1. **Lord Lennox-Boyd**, iaitu **Setiausaha Tanah Jajahan British** telah dilantik mempengerusikan Rundingan London.
2. Rundingan ini telah berlangsung dari **18 Januari hingga 8 februari 1956**.
3. Kedua-dua pihak telah bersetuju menandatangani satu perjanjian yang dinamakan **Perjanjian London**.
4. Beberapa perkara penting telah dipersetujui dalam rundingan tersebut iaitu:
 - (a) Pelantikan sebuah suruhanjaya bebas untuk menggubal perlembagaan merdeka.
 - (b) Parti Perikatan tidak akan mengambil alih perniagaan British atau kepentingan Barat di Tanah Melayu.
 - (c) Satu perjanjian dengan British akan ditandatangani bagi menjaga keselamatan Tanah Melayu dan juga menjaga kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu.
 - (d) Tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ditetapkan pada 31 Ogos 1957.
 - (e) Institusi raja berpelembagaan dikekalkan.
 - (f) Pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dengan kerajaan negeri diteruskan.
5. Pada **20 Februari 1956**, **Rombongan Merdeka** telah kembali ke Tanah Melayu.
6. Kepulangan mereka telah disambut dengan meriah dalam perhimpunan besar-besaran diadakan Padang Merdeka, **Banda Hilir** di Melaka.
7. Tunku Abdul Rahman Putra kemudian telah mengisytiharkan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

8. Selepas pengisytiharan tersebut, orang ramai yang hadir telah menyambut dengan pekikan '**Merdeka**' dengan penuh semangat dan bergema.



Pengukuhan Minda

Perjanjian
London




- ♣ Sebuah suruhanjaya bebas ditubuhkan untuk menggubal perlembagaan merdeka.
- ♣ Kepentingan Barat atau perniagaan British tidak akan diambil alih oleh Parti Perikatan.
- ♣ Bagi menjaga keselamatan Tanah Melayu demi kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu.
- ♣ 31 Ogos 1957 merupakan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu.
- ♣ Institusi Raja Berpelembagaan dikekalkan.
- ♣ Pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dengan kerajaan kerajaan negeri diteruskan.

Suruhanjaya Reid

1. Sebuah **perlembagaan** yang **dipersetujui** oleh semua kaum perlu digubal bagi sebuah negara yang bakal merdeka.
2. Parti Perikatan telah bersetuju dengan pelantikan sebuah **suruhanjaya bebas** untuk menggubal **Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu** yang merdeka dan adil kepada semua kaum.
3. Oleh itu, **Suruhanjaya Reid** telah dibentuk pada bulan **Mac 1956** bagi menyusun **perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu**.
4. Pengerusi suruhanjaya ini ialah **William Reid**.
5. Tugas Suruhanjaya Reid ialah:
 - (a) Merangka sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang akan merdeka.
 - (b) Membentuk dan menentukan kuasa kerajaan pusat dan negeri.
 - (c) Menjamin kedudukan khas Raja-Raja Melayu.
 - (d) Mewujudkan satu rupa bangsa Persekutuan Tanah Melayu.



Pengukuhan Minda



6. Sebanyak **131 memorandum** daripada pelbagai pihak termasuk raja-raja Melayu telah diterima oleh Suruhanjaya Reid.
7. Pada bulan Februari 1957, Suruhanjaya Reid telah mengeluarkan draf perlembagaan untuk dibahaskan oleh penduduk dan parti politik tempatan.
8. Walau bagaimanapun, beberapa cadangan Suruhanjaya Reid yang asal terpaksa dipinda untuk memuaskan hati semua pihak.
9. Antara pindaan Suruhanjaya Reid yang dipersetujui ialah:
 - (a) Sebuah negara persekutuan dibentuk dengan pembahagian kuasa dan negeri.
 - (b) Kerakyatan secara jus soli kepada mereka yang lahir di Tanah Melayu.
 - (c) Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan tanpa menjejaskan hak kaum lain.
 - (d) Institusi raja-raja Melayu dan konsep raja berpelembagaan dikekalkan.
 - (e) Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah masing-masing.
 - (f) Agama Islam juga telah dijadikan agama rasmi persekutuan. Walau bagaimanapun, agama lain boleh terus diamalkan.
9. Pindaan Suruhanjaya Reid telah dipersetujui berdasarkan semangat tolak ansur dan permuafakatan antara kaum di Tanah Melayu.
10. Persetujuan tersebut membolehkan pembentukan sebuah kerajaan yang **demokrasi** dengan konsep raja berpelembagaan.
11. Semua pemimpin Melayu dan bukan Melayu menyokong pakatan tersebut kerana mereka menyedari bahawa pakatan tersebut akan mewujudkan **perpaduan** antara kaum di Tanah Melayu.
12. Akhir sekali, cadangan Suruhanjaya Reid diterima oleh **Parlimen British** pada bulan **Jun 1957**.
13. **Draf perlembagaan** Merdeka telah dibentangkan untuk diluluskan oleh Majlis Perundangan Persekutuan.
14. Upacara **menandatangani Perjanjian Merdeka** 1957 telah diadakan antara raja-raja Melayu dengan British di Kuala Lumpur.



Pengukuhan Minda

Tugas Suruhanjaya



- ♣ Merangka sebuah perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu yang akan merdeka.
- ♣ Membentuk dan menentukan kuasa kerajaan pusat dan negeri.
- ♣ Menjamin kedudukan khas raja-raja Melayu.
- ♣ Mewujudkan satu rupa bangsa Persekutuan Tanah Melayu.

Pindaan Suruhanjaya Reid

- ♣ Sebuah negara persekutuan dibentuk dengan pembahagian kuasa pusat dan negeri.
- ♣ Mereka yang dilahir di Tanah Melayu diberi kerakyatan secara *jus soli*.
- ♣ Mengekalkan institusi raja-raja Melayu dan konsep raja berpelembagaan.
- ♣ Mengekalkan kedudukan istimewa orang Melayu tanpa menjejaskan hak kaum lain.
- ♣ Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan. Sementara bahasa Cina dan Tamil boleh dikembangkan dan menjadi bahasa pengantar di sekolah masing-masing.
- ♣ Agama Islam dijadikan agama rasmi persekutuan. Agama lain boleh terus diamalkan.

Perlembagaan Merdeka 1957

1. Terdapat beberapa fasal penting dalam perlembagaan merdeka. Fasal tersebut ialah:
 - (a) Sebuah kerajaan persekutuan dibentuk dengan nama Persekutuan Tanah Melayu.
 - (b) Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara.
 - (c) Pembentukan sebuah Perlimen yang mempunyai Dewan Rakyat dan Dewan Negara.
 - (d) Perdana Menteri sebagai ketua pentadbiran negara dengan dibantu oleh sebuah kabinet.
 - (e) Agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan Tanah Melayu.
 - (f) Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.
 - (g) Kerakyatan terbuka kepada sesiapa sahaja yang dilahir di Tanah Melayu. Kerakyatan secara permohonan dengan syarat tertentu juga diberi pertimbangan.
 - (h) Kedudukan istimewa orang Melayu diteruskan tanpa mengurangkan hak warganegara yang lain.
2. Perlembagaan Merdeka 1957 telah memberikan hak mutlak kepada penduduk Tanah Melayu untuk

- menerajui sebuah negara yang berdaulat.
3. Setiap penduduk Persekutuan Tanah Melayu telah bertekad berusaha untuk melahirkan sebuah masyarakat yang bersatu padu.
 4. Semua kaum sama ada penduduk tempatan atau kaum pendatang mendapat faedah daripada perkara yang telah dipersetujui dalam perlembagaan merdeka.
 5. Oleh itu, penghargaan seharusnya diberikan kepada pemimpin. Pemimpin yang telah berusaha untuk mencapai kemerdekaan negara.
 6. Mereka secara bijaksana dapat menyelesaikan isu-isu yang rumit dan sensitif seperti soal kerakyatan, bahasa kebangsaan dan kedudukan agama Islam, ketegangan kaum telah dapat dielakkan dan kemerdekaan dapat dicapai tanpa menumpahkan darah.
 7. Tokoh-tokoh yang berjasa dalam usaha mencapai kemerdekaan ialah:
 - (a) Tunku Abdul Rahman Putra
 - (b) Dato' Abdul Razak
 - (c) Tun V.T. Sambanthan
 - (d) Tun H.S. Lee
 - (e) Yang di-Pertuan Agong
 - (f) Dato' Onn Ja'afar
 - (g) Dato' Panglima Bukit Gantang
 - (h) Raja-raja Melayu dan pembesar negeri
 8. Jasa mereka seharusnya dikenang oleh generasi hari ini kerana tanpa usaha gigih mereka, kemerdekaan yang kita nikmati pada hari ini tidak akan menjadi kenyataan.



Pengukuhan Minda



Pengukuhan Minda



Pemasyhuran Kemerdekaan

1. Detik yang paling bermakna dan amat penting kepada Persekutuan Tanah Melayu ialah pemasyhuran kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.
2. Dengan pemasyhuran ini, bererti Persekutuan Tanah Melayu telah dibebaskan daripada penjajahan British untuk selama-lamanya.

Peristiwa Pemasyhuran Kemerdekaan

1. Pemasyhuran kemerdekaan dibuat tepat pada pukul 12 tengah malam, pada 30 Ogos 1957 di hadapan Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur.

2. Bendera Union Jack telah diturunkan dan sejurus kemudian, bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dinaikkan oleh beberapa orang pemuda UMNO.
3. Peristiwa menurunkan bendera Union Jack yang penuh bersejarah ini disaksikan oleh ribuan rakyat negara ini.
4. Setelah bendera Union Jack mencecah bumi, orang ramai bersorak dengan tepukan gemuruh dan penuh kegembiraan.
5. Rakyat dengan nada bergema melaungkan 'merdeka' yang menandakan kemenangan rakyat terlepas daripada belenggu penjajah.
6. Bendera Persekutuan Tanah Melayu kemudian berkibar megah di puncak tiang. Rakyat berasa bangga menyaksikan peristiwa ini.
7. Pada keesokan harinya, iaitu pada 31 Ogos 1957, pemasyhuran kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah dilakukan dengan penuh gemilang di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.
8. Stadium yang dibina khas untuk upacara pengisytiharan kemerdekaan negara telah siap sehari sebelum pemasyhuran kemerdekaan itu diadakan.
9. Stadium merdeka adalah bangunan negara yang dibina khas untuk melahirkan identiti kebangsaan kepada negara yang merdeka.
10. Orang ramai memenuhi setiap tempat duduk di stadium itu yang menyaksikan peristiwa pemasyhuran tersebut.
11. Raja-raja Melayu pula yang berpakaian songket berkilau, berseri-seri, dipayungi dengan payung diraja.
12. Mereka duduk berbaris bersemayam di pentas khas.
13. Wakil Ratu Elizabeth, Duke of Wellington telah bersedia dengan Dokumen Penyerahan Kuasa tersebut.



Tunku Abdul Rahman Putra dengan penuh bersemangat mengisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada pagi 31 Ogos 1957.

14. Upacara dimulakan dengan ucapan wakil Baginda Ratu England.
15. Kemudian, beliau menyerahkan dokumen perisytiharan kemerdekaan kepada Yang di-Pertuan Agong, ketua negara Persekutuan Tanah Melayu.
16. Dengan penyerahan dokumen pengisytiharan kemerdekaan tersebut, ini menandakan pemulangan semula kuasa politik negara kepada pemerintah tempatan setelah dikuasai oleh penjajah hampir selama 446 tahun.
17. Pemulangan kuasa ini dilakukan dengan penuh tertib.
18. Ketua Kerajaan Perikatan yang bakal menjadi Perdana Menteri pertama negara, iaitu Tunku Abdul Rahman Putra telah membaca pengisytiharan kemerdekaan itu dengan lantang sekali.
19. Beliau dengan penuh bersemangat melaungkan seruan 'merdeka' sebanyak tujuh kali.
20. Laungan ini disambut dengan laungan 'merdeka' oleh para hadirin.
21. Laungan keramat ini bergema memenuhi ruang stadium. Rakyat Tanah Melayu sungguh bersemangat dan gembira setelah berjaya melepaskan diri daripada penjajahan kuasa asing.

22. Inilah hasil perjuangan keramat bagi setiap rakyat terdahulu untuk diteruskan kesinambungannya oleh generasi kini yang mencintai negaranya yang berdaulat dan merdeka.



Yang di-Pertuan Agong
Pertama Al-Marhum
Tunku Abdul Rahman
ibni al-Marhum Tunku
Muhammad



Penguatan Minda

Proses peristiwa pengisytiharan kemerdekaan



30 Ogos 1957-12 tengah malam bendera Union Jack diturunkan



Bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan



31 Ogos 1957- Di Stadium Merdeka, wakil Ratu Elizabeth, Duke of Wellington menyerahkan Dokumen penyerahan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong. Pembacaan pengisytiharan kemerdekaan oleh Tunku Abdul Rahman Putra



Laungan 'merdeka' (sebanyak 7 kali) bergema di stadium



Pengukuhan Minda

Peristiwa Pengisytiharan Kemerdekaan →	Tempat	Peristiwa
	Padang Kebh Selangor Kuala Lumpur (30 Ogos 1957)	12.00 tengah malam penurunan bendera Union Jack dan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan.
	Stadium Merdeka (31 Ogos 1957)	Penyerahan Dokumen Penyerahan Kuasa oleh Duke of Wellington kepada yang di-Pertuan Agong Pertama.

Kandungan Perisytiharan Kemerdekaan

1. Dokumen Pemasyhuran Kemerdekaan 1957 ditulis dalam dua bahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
2. Dokumen pemasyhuran kemerdekaan ini adalah pernyataan kemerdekaan yang penting sebagai tanda pembebasan politik daripada pihak penjajah.
3. Pemasyhuran ini juga bermakna kita tidak lagi dijajah atau dikuasai oleh orang lain dan kita bebas menentukan bentuk pemerintah mengikut acuan dan hala tuju negara kita sendiri tanpa dikongkong oleh mana-mana kuasa.

Kandungan Pemasyhuran kemerdekaan



- ♣ Persekutuan Tanah Melayu mencapai taraf sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat setaraf dengan negara-negara lain di dunia.
- ♣ Persekutuan Tanah Melayu dibentuk daripada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 di antara Raja-raja Melayu dengan Ratu England.
- ♣ Semua penguasaan baginda Ratu England dan Parlimen British ke atas Negeri-Negeri Selat terbatal.
- ♣ Perlembagaan Persekutuan berkuatkuasa pada 31 Ogos 1957.
- ♣ Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka mengandungi negeri Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka dan Pulau Pinang.
- ♣ Persekutuan Tanah Melayu adalah sebuah negara demokrasi yang mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Pemasyhuran Kemerdekaan

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Mengasihani, segala puji bagi Allah yang Maha berkuasa dan selawat dan salam ke atas sekalian Rasul-Nya.

Bahawasanya kerana telah tibalah masanya bagi umat Persekutuan Tanah Melayu ini mencapai taraf suatu bangsa yang merdeka lagi berdaulat sama setimpal kedudukannya dengan segala bangsa di seluruh dunia.

Dan bahawasanya kerana dengan perjanjian yang disebut namanya Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 yang diperbuat antara Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dengan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Negeri Melayu, maka, telah dipersetujui bahawa Negeri-Negeri Melayu, iaitu Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Perak serta negeri yang dahulunya dinamakan Negeri Selat, iaitu Melaka dan Pulau Pinang, mulai 31 hari bulan Ogos tahun 1957, hendaklah menjadi sebuah Persekutuan Baharu bagi negeri-negeri yang bernama Persekutuan Tanah Melayu.

Dan bahawasanya kerana telah bersetuju pula antara kedua-dua pihak dalam perjanjian yang tersebut, iaitu Melaka dan Pulau Pinang hendaklah daripada tarikh yang tersebut itu tamat daripada menjadi sebahagian daripada jajahan takluk Baginda Queen, dan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen tidak lagi berhak menjalankan apa-apa jua kedaulatan baginda ke atas kedua-dua negeri yang tersebut itu.

Dan bahawasanya kerana telah bersetuju pula antara kedua-dua pihak yang tersebut, iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1948, dan segala perjanjian lain yang ada sekarang antara Duli yang Maha Mulia Baginda Queen dengan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja ataupun salah seorang daripada baginda itu sebelum tarikh yang tersebut hendaklah dibatalkan mulai daripada tarikh itu, dan semua kuat kuasa dan hak Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen ataupun Parlimen Negeri United Kingdom dalam Negeri-Negeri Selat yang tersebut itu ataupun yang berhubung dengannya atau Negeri-Negeri Melayu ataupun Persekutuan Tanah Melayu seluruhnya adalah tamat dengan sendirinya.

Dan bahawasanya kerana Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, Duli-Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen, Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu, Parlimen Negeri United Kingdom dan Majlis-Majlis Undangan Persekutuan dan Negeri_Negeri Melayu telah meluluskannya, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu tahun 1957 itu berjalan kuat kuasanya.

Dan bahawasanya kerana sebuah perlembangan bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah ditentukan menjadi suatu kanun yang muktamad baginya.

Dan bahawasanya kerana Perlembagaan Persekutuan yang tersebut itu, maka, ada disediakan syarat untuk menjaga keselamatan hak-hak dan keutamaan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja serta hak-hak asasi dan kebebasan sekalian rakyat dan untuk memajukan Persekutuan Tanah Melayu dengan aman dan damai serta teratur sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai Raja yang Berpelembagaan yang berdasarkan demokrasi cara Parlimen.

Dan bahawasanya kerana Perlembagaan Persekutuan yang diadakan oleh Majlis Undangan Persekutuan yang tersebut itu telah diluluskan oleh suatu undang-undang yang diadakan oleh Majlis Undangan Persekutuan serta dengan undang-undang yang diadakan oleh negeri-negeri Melayu dan dengan ketetapan-ketetapan dalam Majlis Undang Negeri Melaka dan Pulau Pinang, dengan demikian Perlembagaan itu telah berjalan kuat kuasanya pada 31 hari bulan Ogos tahun 1957.

Maka, dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, saya Tunku Abdul Rahman Putra Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Alim Shah, Perdana Menteri bagi Persekutuan Tanah Melayu, dengan persetujuan dan perkenan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Negeri-Negeri Melayu dengan ini memasyhurkan dan mengisytiharkan bagi pihak umat Persekutuan Tanah Melayu bahawa mulai Tiga Puluh Satu Hari bulan Ogos Tahun Seribu Sembilan Ratus Lima Puluh Tujuh, maka Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi Negeri Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Perak, Melaka dan Pulau Pinang dengan limpah rahmat Allah subhanahu wa taala akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kebebasan dan keadilan dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan antara segala bangsa.

Pemasyhuran Kemerdekaan

1. Proses untuk mendapatkan kemerdekaan telah diusahakan oleh Parti perikatan setelah berjaya dalam pilihanraya pada tahun 1955.
2. Rombongan Merdeka yang bertolak ke London telah berjaya mendapatkan tarikh kemerdekaan.
3. Mereka kemudian membentuk sebuah suruhanjaya bebas untuk menyediakan perlembagaan merdeka.
4. Perkembangan ini kemudian disempurnakan dengan mengambil kira cadangan daripada pelbagai pihak dalam Persekutuan Tanah Melayu.
5. Pada 31 Ogos 1957, pengisytiharan kemerdekaan telah dibuat dengan penuh gilang gemilang di Stadium Merdeka.
6. Pengisytiharan ini menandakan kebebasan politik yang mutlak bagi Persekutuan Tanah Melayu.
7. Kemerdekaan yang capai bukanlah sesuatu yang mudah, oleh itu kemerdekaan negara merupakan satu amanah yang mesti dijaga oleh generasi hari ini.
8. Kita telah menghadapi pelbagai penderitaan selama hampir 446 tahun dan sebagai warganegara yang bertanggungjawab dan amanah, tentulah kita tidak ingin perkara ini berulang lagi.
9. Justeru, marilah kita mengatur langkah bersama-sama menjaga kedaulatan dan kemerdekaan negara supaya tidak diperkotak-katikkan oleh kuasa luar.



Pengukuhan Minda



